

**Sokongan Masyarakat India Terhadap BN Semakin Meningkat - Presiden MIC Bernama**  
**4 Mac, 2012**

GEORGE TOWN, 4 Mac (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri G. Palanivel yakin sokongan masyarakat India di Pulau Pinang terhadap Barisan Nasional (BN) semakin meningkat berdasarkan maklum balas yang diterima.

Beliau berkata masyarakat India dipercayai akan menentukan kemenangan beberapa kerusi penting di negeri itu pada pilihan raya umum ke-13.

"Siang dan malam MIC bekerja di Pulau Pinang untuk kembalikan sokongan rakyat kepada BN," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian sumbangan kepada pelajar cemerlang Ujian Pencapaian Sekolah Rendah tahun 2011, di sini.

Palanivel yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata apa yang penting ketika ini ialah untuk memenangi semula dua kerusi MIC di negeri itu dan menambah bilangan kerusi BN pada pilihan raya akan datang.

Mengenai calon yang akan bertanding pada pilihan raya umum ke-13, beliau berkata ia akan diumumkan selepas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak membubarkan Parlimen.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=649849>